

---

# KOLOKIUM SISWAZAH KITA

PEMBENTANGAN DERAF AKHIR  
DOKTOR FALSAFAH (PENGAJIAN ETNIK)

MODEL PEMILIHAN KERJAYA MUZIK UNTUK  
GRADUAN BIDANG MUZIK UNIVERSITI AWAM DARI  
PERSPEKTIF TEORI KERJAYA KOGNITIF SOSIAL

SHAMSUL AMRI ABDUL MANAP (P112252)

24 OKTOBER 2024 | 10:00 pagi

<https://shorturl.at/L2rMa>

# ABSTRAK

Nama	:	Shamsul Amri Abdul Manap
No. Pelajar	:	P112252
Program	:	Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia	:	Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Ishak Dr. Adil Johan (UM)
Tahap Pembentangan:		Deraf Akhir
Tajuk	:	Model Pemilihan Kerjaya Muzik Untuk Graduan Bidang Muzik Universiti Awam Dari Perspektif Teori Kerjaya Kognitif Sosial

Graduan bidang muzik universiti awam di Malaysia mempunyai kecenderungan untuk meneruskan kerjaya mereka dalam bidang muzik. Pembangunan kerjaya ke bidang muzik ini melibatkan laluan pendidikan muzik formal yang bermula daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Teori Kerjaya Kognitif Sosial (SCCT) menerangkan bahawa pembangunan kerjaya sebagai kitaran penyesuaian kognitif, persekitaran dan tingkah laku. Keadaan ini didorong oleh perubahan kepercayaan tentang kebolehan individu, hasil yang diharapkan beserta matlamat, yang dipengaruhi oleh kedua-dua pengalaman peribadi serta persekitaran sosial. Berlandaskan teori tersebut, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menentukan kemampuan faktor-faktor kognitif, kontekstual dan tingkah laku yang mampu mempengaruhi pemilihan kerjaya ini, seterusnya membentuk satu model pemilihan kerjaya muzik di Malaysia. Pendekatan penyelidikan menggunakan kaedah campuran penerokaan digunakan untuk mendapatkan hasil dan analisis yang lebih kukuh. Temu bual separa berstruktur dan soal selidik secara atas talian digunakan berbantuan perisian NVIVO dan SmartPLS 4 sebagai alat analisis. Hasil penyelidikan menunjukkan faktor-faktor unik seperti faktor semangat, faktor persekitaran kekeluargaan, dan faktor kerohanian dilihat mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan pemilihan kerjaya bidang muzik graduan universiti awam di Malaysia. Beberapa implikasi serta cadangan dari aspek teori dan praktikal untuk kajian masa hadapan juga dinyatakan hasil daripada penyelidikan ini. Penyelidikan ini diakhiri dengan pembentukan satu model pemilihan kerjaya muzik untuk graduan bidang muzik dari universiti awam di Malaysia.

## Kata Kunci

Graduan Muzik, Universiti Awam, Pilihan Kerjaya, SCCT, Kognitif, Kontekstual, Tingkah Laku.